

# Jom Masuk UMS hujung minggu ini

**KOTA KINABALU:** Bahagian Kemasukan Pelajar, Jabatan Pengajian Tinggi akan meneruskan jelajah Karnival Pengajian Tinggi Negara (KPTN) ke Zon 4 di Sabah hujung minggu ini.

Bahagian itu menyasarkan kira-kira 30,000 pengunjung bakal mengunjungi karnival yang sinonim dengan tagline 'Jom Masuk U' itu di Pusat Beli Belah 1 Borneo Hypermall Kota, Kinabalu Sabah pada 12-13 April ini.

Karnival tersebut merupakan program Outreach tahunan yang dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bertujuan menyebarkan maklumat terkini mengenai peluang pengajian tinggi di Malaysia.

'Jom Masuk U' juga dikenali sebagai Pusat Sehenti (One Stop) bermaklumat kepada kumpulan sasaran iaitu pelajar-pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), pelajar lepasan program asasi, sijil, mahupun diploma.

Seperti penganjuran tahun lepas, sambutan menggalakkan daripada para pengunjung telah membuktikan bahawa karnival 'Jom Masuk U' memberi kesan positif kepada kumpulan

sasar di setiap zon yang dianjurkan.

Sejak diperkenalkan pada tahun 2005, karnival tersebut telah mendidik dan memupuk kesedaran di kalangan pemohon dan masyarakat awam mengenai pelaksanaan permohonan kemasukan ke IPTA melalui Aplikasi Dalam Talian (Online).

Merujuk kepada statistik penganjuran sepanjang tahun 2013, kira-kira seramai 300,000 pengunjung mendapat manfaat menerusi karnival 'Jom Masuk U' yang dianjurkan di seluruh Malaysia.

Berdasarkan maklumat balas para pengunjung Jom Masuk U tahun lalu, mereka mengakui maklumat yang diperolehi di karnival seperti itu dapat membuka minda dan menetapkan hala tuju dalam mengikuti bidang pengajian yang akan dipilih kelak.

'Jom Masuk U' menempatkan pelbagai institut pengajian awam dan swasta, politeknik, kolej komuniti, agensi kerajaan, badan tajaan dan pembiayaan pendidikan, serta syarikat kewangan.

Selain mendapat maklumat mengenai program-program yang ditawarkan, para pen-

gunjung turut berpeluang bertemu dengan wakil-wakil institusi pengajian untuk bertanyakan secara langsung mengenai syarat-syarat kemasukan bagi sesuatu program.

Sementara itu, Universiti Malaysia Sabah (UMS) menjangkakan sebanyak 7,000 permohonan akan diterima pada tahun ini berbanding kira-kira sebanyak 5,000 permohonan pada pengambilan 2013.

UMS yang menyambut ulang tahun penubuhan ke-20 pada tahun ini terus bertekad untuk mendidik anak bangsa terutama di Sabah bagi mencetuskan kecemerlangan rakyat di negeri itu.

Pada usia penubuhan 20 tahun, tidak keterlaluan jika dikatakan universiti itu telah matang dan untuk berkongsi pengalaman tenaga pengajar mahir sama ada bersama siswa siswi mahupun masyarakat sekitar secara amnya.

UMS menawarkan 64 program Ijazah Sarjana Muda aliran sains dan sastera melalui 13 Sekolah di Kampus Induk Kota Kinabalu, Sandakan dan Wilayah Persekutuan Labuan,

antaranya Sekolah Sains Sosial, Sekolah Pengajian Seni, Sekolah Perubatan, Sekolah Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat serta Sekolah Pertanian Lestari.

Sejak awal tahun 2014, pelbagai aktiviti telah dianjurkan dan terus disusun oleh universiti itu sebagai usaha untuk merakyatkan ilmu yang ada di UMS dan diberikan kepada rakyat Sabah khususnya.

Terbaru, UMS telah menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) bersama Kementerian Petroleum dan Hasil Mineral negara Republik Demokratik Timor-Leste bagi menyediakan kepakaran dan kemahiran dengan mewujudkan skim latihan dalam industri minyak dan gas untuk rakyat di negara berkenaan.

Pastinya kerjasama tersebut bakal memberi kesan lebih baik kepada kedua-dua buah negara Malaysia dan Timor-Leste dalam perkembangan ekonomi serta sosial masyarakatnya.

Jelasnya, ilmu dan kepakaran yang ada di sesebuah universiti perlu di kongsi, bukan setakat di dalam negara, malah ianya tidak terhad untuk dikongsi di luar negara sebagai usaha untuk membangunkan tamadun dunia.